

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK BUNG MOKHTAR BIN RADIN
(KINABATANGAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.11.2016

Y.B. DATUK BUNG MOKHTAR BIN RADIN [KINABATANGAN]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah rizab negara
yang terkini dan apakah kedudukan kewangan semasa negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kedudukan rizab antarabangsa negara kekal kukuh berjumlah RM405.6 bilion atau USD97.8 bilion pada 14 Oktober 2016. Paras rizab terkini, mencukupi untuk membiayai 8.5 bulan import tertangguh dan 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan dan BNM akan

sentiasa memantau kedudukan rizab antarabangsa dengan mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan paras rizab ini kekal mencukupi untuk menjadi penampang bagi memenuhi obligasi luaran.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan kekal mapan dengan paras defisit fiskal sebagai peratusan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) terus turun daripada 3.4% bagi tahun 2014 kepada 3.2% bagi tahun 2015. Pada tahun 2016, paras defisit tersebut dianggar terus berkurang kepada 3.1% dan disasarkan pada paras 3% pada tahun 2017. Ini menunjukkan komitmen Kerajaan dalam melaksanakan konsolidasi fiskal walaupun menghadapi cabaran ekonomi global termasuklah pertumbuhan ekonomi dunia yang perlahan dan harga minyak mentah dunia sekitar USD40 hingga USD50 setong.

4. Walau bagaimanapun, perlaksanaan langkah konsolidasi fiskal tetap menyokong pertumbuhan ekonomi negara agar kekal berdaya tahan. Kerajaan akan memanfaatkan sumber sedia ada dan terus melaksanakan pembaharuan fiskal bagi mengukuhkan kedudukan kewangan, seterusnya memastikan kemampunan fiskal jangka

panjang negara. Kerajaan juga terus melaksanakan program dan projek yang mempunyai kesan pengganda yang tinggi kepada ekonomi serta mengutamakan kesejahteraan rakyat.